

DIRIWAYATKAN oleh Imam At-Tirmidzi, daripada Aisyah Radhiallahu 'anha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak melakukan seseorang sesuatu amal pada hari raya yang lebih disukai Allah daripada menumpahkan darah (menyembelih korban), sesungguhnya korban itu akan datang pada hari kiamat dengan tanduk, bulu dan kuku kakinya. Dan sesungguhnya darah korban itu jatuh daripada Allah pada satu tempat kemuliaan sebelum jatuh ke bumi, maka sukakanlah diri kamu dengan korban itu".

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 | SUBUH 4.46 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.50 | MAGHRIB 6.35 | ISYAK 7.51

TAHUN 68 BILANGAN 77

28 JUN 2023 / 1444 ذوالحجه 9

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA



# STRATEGI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM PERLU DIKEMAS KINI

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan, United Nation Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) menggariskan dasar pendidikan itu sebagai Learning to think (belajar bagaimana berfikir); Learning to do (belajar bagaimana bekerja); Learning to be (belajar bagaimana untuk survive tetap hidup); dan Learning to live together (belajar bagaimana untuk hidup bersama).

Tambah Yang terhormat, semua inti pati dasar berkenaan boleh diterima kerana Islam sebenarnya sudah lebih awal mengungkap perkara-perkara berkenaan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, landskap dan strategi pendidikan tinggi Islam abad ke-21 perlu dikemas kini dan diperkasa.

"Pusat-pusat pendidikan tinggi kita mesti membuka pintunya luas-luas untuk ilmu ini. Kita akan namakan ia dengan nama 'ilmu sains Islam'. Kerana ilmu sains Islam mempunyai kelebihan dari ilmu sains barat.

"Ilmu sains barat hanya semata-mata berteraskan uji kaji terhadap benda-benda yang dapat dilihat, ditimbang, dihitung dan diukur semata-mata, sementara ilmu metafizik dan soal-soal keimanan hanya dianggap 'andaian' sahaja, yang sukar untuk diterima oleh akal, berbanding sains Islam, tetap percaya kepada kuasa Allah dan perkara-perkara ghaib," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, kita tidak mahu pusat-pusat pengajian tinggi kita tidak celek ilmu sains, tetapi yang kita mahu, mereka juga mesti jadi pelopor dan penghayat ilmu ini.

Jelas Yang Berhormat lagi, kita



**YANG** Berhormat Mufti Kerajaan semasa membentangkan Kertas Perdana pada Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti Islam 2023 (ICIU2023).

tidak mahu para mahasiswa dan mahasiswi kita menganggap Islam itu miskin sains atau dalam Al-Quran tidak ada sains.

Yang Berhormat juga menyentuh betapa pentingnya ilmu sains kerana ia bukan sahaja alat untuk meneroka angkasa, bahkan juga lebih utama, berperanan untuk

menegakkan hukum Allah dalam kehidupan manusia.

Maka jelas Yang Berhormat, landskap pendidikan tinggi Islam jangan meminggirkan ilmu sains, tetapi turut memartabatkannya sebagai salah satu ilmu teras yang wajib dipelajari.

"Tiada halangan bagi kita untuk menerima dan mempelajari sama sains barat yang berunsur kebendaan, tetapi kita akan lengkapi ia dengan sains Islam yang mengiktiraf kuasa Allah dan mempercayai perkara-perkara yang berhubung kait dengan keimanan sebagai pasaknya," ujar Yang Berhormat.